



18 Mac 2022  
18 March 2022  
P.U. (A) 67

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN CAP DAGANGAN  
(PINDAAN) 2022

*TRADEMARKS (AMENDMENT) REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CAP DAGANGAN 2019

PERATURAN-PERATURAN CAP DAGANGAN (PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 162 Akta Cap Dagangan 2019 [Akta 815], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cap Dagangan (Pindaan) 2022.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 Mac 2022.

**Pindaan peraturan 53**

2. Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019 [P.U. (A) 373/2019], yang dirujuk sebagai “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 53—

(a) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Jika pemohon memfailkan suatu permohonan bagi pendaftaran cap kolektif yang terdiri daripada petunjuk geografi atau cap perakuan yang terdiri daripada petunjuk geografi, dan petunjuk geografi itu berkaitan dengan negara selain Malaysia, pemohon itu hendaklah—

(a) mematuhi kehendak yang dinyatakan di bawah subperaturan (1); dan

(b) mengemukakan kepada Pendaftar keterangan bahawa petunjuk geografi itu dilindungi sebagai petunjuk geografi di negara atau kawasan asalnya.”; dan

(b) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan selepas perkataan “subperaturan (1)” perkataan “atau (1A)”.

### **Pindaan peraturan 55**

3. Peraturan 55 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Bagi maksud prosiding bangkangan yang berhubungan dengan pendaftaran cap kolektif yang terdiri daripada petunjuk geografi atau cap perakuan yang terdiri daripada petunjuk geografi, sebutan mengenai cap dagangan dalam subperaturan 23(4) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada petunjuk geografi yang didaftarkan di bawah Akta Petunjuk Geografi 2022 [Akta 836] atau mana-mana undang-undang bertulis terdahulu yang berhubungan dengan petunjuk geografi.”.

### **Pindaan peraturan 57**

4. Peraturan 57 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 57(1)(b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) suatu pernyataan yang menunjukkan alasan bangkangan bagi ketidakpatuhan kehendak di bawah subperenggan 6(1) Jadual Pertama kepada Akta, subperenggan 6(1) Jadual Kedua kepada Akta, perenggan 6A Jadual Pertama kepada Akta atau perenggan 6A Jadual Kedua kepada Akta.”.